

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OGOS 2025

AKHBAR : KOSMO

MUKA : 6
SURAT

RM1.4 bilion diperlukan untuk tanaman semula sawit pekebun kecil

RM1.4 bilion diperlukan untuk tanam semula sawit pekebun kecil

JOHOR BAHRU - Skim tanaman semula sawit buat pekebun-pekebun kecil yang dirancang dalam Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) bakal mengukuhkan kedudukan Malaysia selaku pengeluar sawit kedua, dunia.

Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani sehubungan itu berkata, pihaknya menyambut baik inisiatif diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Khamis lalu.

Katanya, dianggarkan sebanyak RM1.4 bilion diperlukan bagi usaha tersebut dalam tempoh lima tahun rancangan Malaysia itu.

"Bagi Kementerian Perlindungan dan Komoditi, saya nampak ada usaha diambil kerajaan untuk meningkatkan penanaman semula sawit oleh pekebun-pekebun kecil.

"Dianggar sebanyak RM1.4 bilion diperlu untuk usaha ini sepanjang tempoh lima tahun. Jadi pekebun kecil yang pokok-pokok mereka sudah tua, mereka boleh tanam semula," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru semalam.

Tampan Ahli Parlimen Tiut-



wangsa itu lagi, langkah tersebut akan terus mengukuhkan kedudukan negara selaku pengeluar sawit kedua dunia selepas Indonesia.

"Sekarang eksport sawit kita bernilai RM115 bilion, dengan inisiatif yang menyokong tanaman semula sawit oleh pekebun-pekebun kecil ini, kita akan dapat tingkatkan lagi eksport dan kukuhkan kedudukan.

"Isnin depan (hari ini) debut bagi RMK13 akan bermula, daripada situ kita akan perolehi banyak feedback daripada Ahli-Ahli Parlimen," jelasnya.

Khamis lalu, Anwar dilaporkan berkata pihaknya memberi komitmen untuk terus melonjakkan pembangunan sektor strategik negara menerusi pelbagai pendekatan berimpak tinggi dalam RMK13 termasuklah menumpukan kepada peningkatan produktiviti sektor agrikomoditi seperti sawit, getah dan koko.